



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

PEKELILING AGENSI PERSENDIRIAN BILANGAN 2 TAHUN 2010

Semua Syarikat Kawalan Keselamatan

GARIS PANDUAN PENGAMBILAN AHLI-AHLI IKATAN RELAWAN RAKYAT (RELA) DAN JABATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA (JPAM) SEBAGAI PENGAWAL KESELAMATAN

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Tujuan Panduan ini adalah untuk memaklumkan kepada semua Syarikat Kawalan Keselamatan Persendirian mengenai **Garis Panduan Pengambilan Ahli-Ahli RELA dan JPAM Sebagai Pengawal Keselamatan.**

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kementerian telah menggerakkan usaha ke arah penglibatan orang ramai untuk turut sama dalam mengurangkan kadar jenayah. Ia selaras dengan aspirasi *National Key Result Area* (NKRA) untuk melibatkan masyarakat umum untuk sama-sama memikul tanggungjawab keselamatan dan mengurangkan kadar jenayah jalanan.

- 2.2 Dalam melaksanakan pendekatan ini, Kementerian telah merangka empat (4) fasa penglibatan orang ramai dalam mencegah jenayah seperti berikut:
- 2.2.1 fasa pertama melibatkan ahli-ahli RELA dan JPAM;
 - 2.2.2 fasa kedua melibatkan syarikat berkaitan Kerajaan (Government Link Company seperti Petronas, Tenaga Nasional, Tabung Haji dan sebagainya);
 - 2.2.3 fasa ketiga melibatkan syarikat-syarikat swasta termasuk syarikat kawalan keselamatan; dan
 - 2.2.4 fasa keempat melibatkan penyertaan orang ramai sebagai ahli RELA dan JPAM.
- 2.3 Bagi merealisasikan aspirasi ini, Kementerian akan menawarkan kepada syarikat kawalan keselamatan supaya mengambil ahli-ahli RELA atau JPAM sebagai pengawal keselamatan dan pada masa sama dapat membantu menangani masalah kekurangan tenaga kerja dalam sektor perkhidmatan ini, di samping mengurangkan kebergantungan sektor ini kepada pekerja asing.

3. RASIONAL

- 3.1 Tujuan Kementerian menawarkan ahli-ahli RELA atau JPAM adalah untuk:-
- 3.1.1 menyediakan satu alternatif yang praktikal kepada syarikat kawalan keselamatan bagi mendapatkan tenaga kerja yang mereka perlukan;
 - 3.1.2 menawarkan satu proses pengambilan yang fleksibel kepada syarikat kawalan keselamatan untuk mendapatkan pekerja mengikut keperluan dan kemampuan agensi masing-masing; dan
 - 3.1.3 menjadi satu mekanisme ke arah memartabatkan industri kawalan keselamatan.

4. **GARIS PANDUAN PENGAMBILAN AHLI-AHLI RELA DAN JPAM SEBAGAI PENGAWAL KESELAMATAN**

4.1 Setiap syarikat kawalan keselamatan ditawarkan untuk mengambil ahli-ahli RELA atau JPAM sebagai pengawal keselamatan, tertakluk kepada peraturan dan syarat yang ditetapkan dalam Panduan ini. Pematuhan kepada Panduan ini penting demi menjamin kejayaan dan keberkesanan pelaksanaannya.

4.2 Panduan pengambilan adalah seperti berikut:-

4.2.1 **Pengambilan Ahli-Ahli RELA atau JPAM Sebagai Pengawal Keselamatan**

- a. Peringkat Kementerian (RELA dan JPAM)
 - i. menawarkan sumber tenaga kerja terlatih (RELA atau JPAM) kepada syarikat kawalan keselamatan; dan
 - ii. menyediakan statistik dan lokasi ahli-ahli RELA dan JPAM di seluruh negara.
- b. Peringkat Syarikat Kawalan Keselamatan
 - i. menyatakan jumlah tenaga kerja yang diperlukan; dan
 - ii. menyatakan tempat-tempat kontrak kerja bagi memudahkan padanan lokasi ahli-ahli RELA atau JPAM dengan lokasi kerja.

4.2.2 **Syarat-syarat Pengambilan Ahli-Ahli RELA atau JPAM**

- a. ahli-ahli RELA dan JPAM yang tidak bekerja;
- b. ahli-ahli berumur lebih 60 tahun tidak dibenarkan. Bagi yang berumur 56 tahun dan ke atas hendaklah mendapat pengesahan dari doktor mengenai tahap kesihatannya;
- c. ahli-ahli hendaklah mencerminkan masyarakat Malaysia;

- d. lulus tapisan keselamatan dan ujian air kencing. Walau bagaimanapun, ahli-ahli RELA atau JPAM yang telah menjalani tapisan keselamatan dan ujian air kencing dikecualikan daripada syarat ini;
- e. ahli-ahli diberi pelepasan menjalani latihan RELA atau JPAM ketika berkhidmat; dan
- f. ahli-ahli hendaklah dilantik secara sepenuh masa. Pelantikan secara kontak tidak dibenarkan.

4.2.3 Prosedur Pengambilan Ahli-ahli RELA dan JPAM

- a. Peringkat Syarikat Kawalan Keselamatan
 - i. mengemukakan permohonan kepada Ibu Pejabat RELA atau JPAM dengan menyatakan perkara-perkara berikut:
 - jumlah ahli-ahli RELA atau JPAM yang diperlukan;
 - lokasi kontrak kerja; dan
 - tarikh mula ahli-ahli RELA atau JPAM diperlukan.
- b. Peringkat Ibu Pejabat RELA dan JPAM
 - i. menerima dan menyemak permohonan daripada syarikat kawalan keselamatan;
 - ii. menyalurkan permohonan kepada Pejabat RELA atau JPAM Negeri bagi menguruskan penawaran ahli-ahli RELA atau JPAM;
 - iii. membuat padanan lokasi tempat kontrak syarikat keselamatan dengan lokasi ahli-ahli RELA atau JPAM yang tidak bekerja; dan
 - iv. memaklumkan kepada syarikat kawalan keselamatan mengenai jumlah ahli-ahli RELA atau JPAM yang boleh ditawarkan kerja sebagai pengawal keselamatan berdasarkan padanan lokasi kontrak dan lokasi ahli-ahli RELA atau JPAM.

4.2.4 Gaji dan Imbuhan

- a. Peringkat Syarikat Kawalan Keselamatan
 - i. syarikat kawalan keselamatan akan membayar gaji dan elaun berkaitan kepada ahli-ahli RELA atau JPAM yang bekerja sebagai pengawal keselamatan;
 - ii. struktur gaji ahli-ahli RELA dan JPAM adalah berdasarkan syarat di dalam surat pelantikan kerja;
 - iii. membuat caruman berkaitan sebagaimana Akta Kerja 1955 kepada ahli-ahli RELA atau JPAM; dan
 - iv. membayar gaji kepada ahli-ahli yang menghadiri kursus/latihan RELA atau JPAM.
- b. Peringkat Kementerian
 - i. Kementerian akan membayar elaun kepada ahli-ahli RELA dan JPAM yang berkhidmat sebagai pengawal keselamatan bagi perkhidmatan sukarela yang dilakukan berdasarkan arahan semasa RELA dan JPAM; dan
 - ii. Kementerian akan membayar elaun kepada ahli-ahli RELA dan JPAM yang berkhidmat sebagai pengawal keselamatan ketika mengikuti kursus RELA dan JPAM.

4.2.5 Latihan

- a. Peringkat Kementerian
 - i. menyerapal modul latihan asas pengawal keselamatan ke dalam modul latihan RELA dan JPAM;
 - ii. menyediakan latihan kepada ahli-ahli RELA dan JPAM yang bekerja dengan syarikat kawalan keselamatan; dan

- iii. menawarkan pusat latihan RELA atau JPAM kepada syarikat kawalan keselamatan untuk menganjurkan kursus dengan bayaran-bayaran tertentu dari segi makanan, jurulatih dan sebagainya.
- b. Peringkat Syarikat Kawalan Keselamatan
 - i. memberi kebenaran dan pelepasan kepada ahli-ahli RELA atau JPAM untuk mengikuti latihan yang disediakan oleh RELA atau JPAM.

4.2.6 Pakaian Seragam

- a. memakai pakaian seragam syarikat kawalan keselamatan semasa bertugas sebagai pengawal keselamatan; dan
- b. memakai pakaian seragam RELA atau JPAM semasa berkhidmat sebagai sukarela RELA atau JPAM.

4.2.7 Penggunaan Senjatapi

- a. penggunaan senjatapi milik RELA adalah **dilarang sama sekali**; dan
- b. syarikat kawalan keselamatan hendaklah menggunakan senjata api miliknya sendiri untuk tujuan kawalan.

4.2.8 Tempoh Perkhidmatan

- a. memastikan ahli-ahli tidak bekerja melebihi 12 jam sehari (8 jam + 4 jam kerja lebih masa);
- b. purata bekerja adalah 26 hari untuk satu bulan.

4.2.9 Status Ahli-ahli RELA atau JPAM

- a. ahli-ahli RELA atau JPAM adalah di bawah takrif 'anggota sukarela'. Oleh itu mereka yang tidak bekerja sahaja akan ditawarkan untuk menjadi pengawal keselamatan sepenuh masa. Sepanjang perkhidmatan mereka sebagai pengawal keselamatan, peraturan dan syarat akan ditentukan oleh syarikat kawalan keselamatan. Walau bagaimanapun, mereka boleh dipanggil untuk menjalankan tugas-tugas sukarela dengan RELA atau JPAM pada bila-bila masa apabila khidmat mereka diperlukan.

4.2.10 Kumpulan Sasar

- a. pengambilan ahli-ahli RELA dan JPAM terbuka kepada semua syarikat kawalan keselamatan yang berminat. Ahli-ahli RELA atau JPAM yang ditawarkan adalah ahli-ahli yang tidak mempunyai pekerjaan; dan
- b. Syarikat kawalan keselamatan bagaimanapun tidak dibenarkan mengambil anggota RELA atau JPAM yang berkhidmat sepenuh masa (anggota tetap).

4.2.11 Pengawal Keselamatan sebagai Ahli-ahli RELA atau JPAM

- a. pengawal keselamatan digalakkan untuk mendaftar sebagai ahli-ahli RELA atau JPAM.

5. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

- 5.1 Peranan dan tanggungjawab semua pihak dituntut untuk mematuhi Panduan ini. Peranan dan tanggungjawab RELA atau JPAM, syarikat kawalan keselamatan dan ahli-ahli RELA atau JPAM adalah seperti berikut:

5.1.1 Tanggungjawab RELA dan JPAM

- a. menyediakan tenaga kerja yang terlatih kepada semua syarikat kawalan keselamatan yang berminat;
- b. menghebahkan kepada semua ahli RELA dan JPAM mengenai pembangunan sendiri dan kerjaya yang menarik dengan syarikat kawalan keselamatan;

- c. menumpukan kepada bidang keutamaan jabatan dari aspek kesukarelawan daripada terlibat dengan kerja-kerja komersil/perniagaan (tidak berhubung secara terus dengan pelanggan); dan
- d. mengeluarkan notis pemakluman awal mengenai program latihan sekurang-kurangnya satu bulan kepada syarikat kawalan keselamatan.

5.1.2 Tanggungjawab Syarikat Kawalan Keselamatan

- a. syarikat kawalan keselamatan juga bertanggungjawab sepenuhnya bagi menjamin kejayaan dan keberkesanan pelaksanaan dasar ini. Syarikat kawalan keselamatan perlu memberikan perhatian serius khususnya kepada aspek berikut:
 - i. menyediakan peraturan berkaitan dengan kehadiran, pelaksanaan tugas dan prosedur pembayaran gaji, elaun, insuran dan caruman berkaitan;
 - ii. ahli-ahli RELA dan JPAM diberi pelepasan apabila dipanggil untuk menjalankan tugas sukarelawan oleh jabatan RELA atau JPAM; dan
 - iii. menentukan ahli-ahli RELA dan JPAM sentiasa menerima latihan samada latihan dalaman ataupun melalui RELA atau JPAM.

5.1.3 Tanggungjawab Ahli-Ahli RELA atau JPAM

- a. hendaklah mematuhi semua syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh syarikat kawalan keselamatan. Mereka dilarang melakukan tugas yang lain kecuali dibenarkan oleh syarikat kawalan keselamatan dan dipanggil untuk menjalankan tugas sukarelawan oleh RELA atau JPAM; dan
- b. hendaklah hadir bertugas pada masa dan tempat yang ditetapkan.

7. PENUTUP

- 7.1 Pengambilan ahli-ahli RELA dan JPAM di bawah dasar ini adalah terbuka kepada syarikat kawalan keselamatan yang berminat dan tidak diwajibkan. Syarikat kawalan keselamatan boleh menggunakan kemudahan ini mengikut keperluan dan kemampuan penawaran ahli-ahli oleh RELA atau JPAM.
- 7.2 Kementerian akan menghebah dan mewar-warkan kepada orang ramai dan pelanggan syarikat kawalan keselamatan bahawa pengawal keselamatan adalah juga ahli-ahli RELA dan JPAM bagi mendapatkan persepsi yang lebih baik terhadap profesion perkhidmatan keselamatan serta meningkatkan imej industri kawalan keselamatan (*rebranding*).
- 7.3 Jika syarikat kawalan keselamatan menghadapi sebarang masalah, sila hubungi Unit Agensi Persendirian, Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam, Kementerian Dalam Negeri atau Ibu Pejabat RELA dan JPAM untuk mendapatkan nasihat dan panduan.